

# Biometrik elak undi dua kali

Siuar 25/7/2011 MS 2.

## MUKADIMAH

**PELAKSANAAN** Pilihan raya umum ke 13 kemungkinan bakal menyaksikan satu perubahan besar di mana sistem biometrik akan digunakan bagi mengesahkan identiti pengundi.

Walaupun pelaksanaan sistem biometrik ini belum secara rasminya diumumkan akan digunakan dalam pilihan raya umum akan datang, namun kerajaan bersetuju memberi peruntukan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi mewujudkan sistem biometrik yang akan digunakan pada pilihan raya.

Penggunaan sistem biometrik dapat membantu SPR membaiki sistem pilihan raya di negara ini dengan menentukan pengundi sah serta menyangkal dakwaan wujudnya pengundi hantu dalam pilihan raya.

Bagaimanapun, usaha itu masih belum diyakini sepenuhnya terutama dalam kalangan pemimpin pembangkang memandangkan ia adalah satu sistem yang baru, khuatir akan dimanipulasi oleh pihak kerajaan.

Timbul persoalan adakah dengan pelaksanaan sistem biometrik ini dapat menyelesaikan isu pengundi hantu, daftar pengundi tidak bersih dan sebagainya yang sering diutarakan pihak pembangkang sehingga tercetusnya perhimpunan haram Bersih 2.0, 9 Julai lalu.

*Ikutilaporan wartawan INTANATHIRAH REBUWANG, NORHASPIDA YATIM dan NURKHAIRINI JUMARI mengenai penggunaan sistem biometrik dalam mencapai pilihan raya telus dan adil.*

**SHAH ALAM** – Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang mengkaji kemungkinan penggunaan sistem biometrik pada pilihan raya umum akan datang.

Menersui laporan sebelum ini, Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata sistem biometrik yang digunakan SPR dalam pengundian adalah melalui maklumat dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Imigresen iaitu pemedanan cap jari sebelum memilih dibenarkan mengundi.

“Penggunaan sistem itu didapati berkesan untuk pengenalan data pengundi yang mana setiap pemegang MyKad yang ingin mengundi akan diperiksa dari segi data peribadi dan data biometrik lain iaitu cap jari melalui dua jabatan itu.

“JPN mempunyai semua data warganegara yang layak mengundi, manakala imigresen mempunyai data biometrik yang keluar masuk negara ini bagi membanteras jenayah antarabangsa dan kemasukan pendatang tanpa izin,” katanya.

Pada tahun 2007, terdapat cadangan penggunaan sistem biometrik yang tidak dapat dilaksanakan pada pilihan raya umum lepas kerana penggunaannya melibat kos yang tinggi iaitu kira-kira RM40 juta.

Katanya, SPR akan menggunakan penganalisis biometrik sebelum memberi kertas undi kepada pemilih berdaftar.

Kaedah mengesan pengenalan pengundi secara biometrik membabitkan penggunaan MyKad dan pengimbas cap jari yang mana pengundi perlu meletakkan MyKad dalam sistem pengimbas biometrik sebelum masuk ke dewan pengundian.



**ABDUL AZIZ**

“Identiti pengundi akan disahkan berdasarkan MyKad dan maklumat yang tertera pada skrin perlu sama dengan maklumat pada MyKad.

“Seterusnya, semakan akan dilakukan sama ada nama pengundi itu tersenarai dalam daftar pengundi kawasan berkenaan dan sekiranya semua maklumat ini disahkan, barulah kita benarkan seseorang mengundi,” katanya.

Abdul Aziz berkata, selepas mengundi, individu tersebut tidak boleh pergi ke tempat lain dengan membawa kad pengenalan sama untuk mengundi bagi kali kedua.

“Sistem biometrik adalah penyelesaian terbaik berbanding penggunaan dakwat kekal seperti di India dan Indonesia,” katanya.

Beliau mengulas cadangan SPR sebelum ini yang mahu menggunakan sistem biometrik bagi pengundian pada PRU akan datang

yang diyakini dapat menyelesaikan dakwaan pengundian dua kali dan pengundi hantu.

“Nama setiap pengundi yang diberi kertas undi akan ditandakan dalam pangkalan data sekali gus menghalang kemungkinan pengundian dua kali,” katanya.

Abdul Aziz berkata, pihaknya akan menggunakan kaedah sama oleh imigresen dan JPN untuk mengesahkan identiti pemegang MyKad serta maklumat peribadi individu sebelum dibenarkan mengundi menerusi cap jari.

“SPR hanya perlu mewujudkan pautan antara pangkalan data daftar pengundi dengan pangkalan data JPN dan imigresen bagi menyemak serta mengesahkan butiran peribadi setiap pengundi sebelum mengeluarkan kertas undi.

“Kaedah itu juga dapat menyelesaikan isu pengundi hantu yang kerap dibangkitkan pembangkang selain memastikan proses pengundian bebas daripada sebarang penipuan atau penyelewengan,” katanya.

Beliau berkata, wakil parti politik atau ejen calon yang bertanding akan dibenarkan berada di pusat mengundi bagi memantau keseluruhan proses itu.

Pada 4 Mac 2008, SPR mengumumkan pembatalan dakwat pada kuku semasa pengundian pada PRU 8 Mac 2008.

Pembatalan itu dipercayai kerana terdapat pihak tertentu dari Malaysia telah membeli dakwat itu dari luar negara dan merancang untuk mencalcitkannya pada kuku pengundi di luar bandar bagi menimbulkan syak wasangka mengenai status mereka.

# SPR masih lakukan kajian

SHAH ALAM – Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) masih melakukan kajian secara terperinci mengenai sistem biometrik.


Timbalan Pengerusi SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar (*gambar*) berkata, segala aspek berkaitan mengenai keupayaan, aplikasi, teknikal, kesan dan kos masih di peringkat kajian.

“Kita bekerjasama dengan pakar yang terlibat bagi memastikan keupayaan sistem ini berkesan apabila dilaksanakan kelak

“Sistem biometrik yang digunakan imigresen berlainan dengan SPR kerana penggunaan kami adalah untuk pilihan raya,” katanya.

Beliau berkata, sistem tersebut telah dikaji sejak 2010 oleh pakar yang dilantik bagi memastikan keupayaan dan tempoh yang dapat digunakan oleh negara terhadap sistem tersebut.

“Sistem biometrik lebih tepat berbanding dakwat kekal kerana menggunakan imbasan



cap jari yang perlu selari dengan maklumat pada MyKad.

“Imbasan cap jari adalah kekal kerana ia semula jadi dan penggandaan undi tidak mungkin berlaku,” katanya.

Wan Ahmad berkata, SPR juga akan memberi taklimat kepada parti politik dan pertubuhan berkaitan mengenai sistem biometrik sebelum dilaksanakan.

“Ini bagi memastikan keberkesanan dan mengelakkan pertikaian berbangkit terhadap sistem ini kelak.

“Jangan terlalu gopoh membuat sebarang tuduhan terhadap SPR sedangkan pelaksanaan sistem masih belum dilaksanakan,” katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan sistem ini kelak dapat mengatasi dakwaan pengundi hantu dan pengundian dua kali yang disebarkan pihak tertentu.

## KAEDAH PENGESANAN BIOMETRIK SEBELUM PEMBERIAN KERTAS UNDI



**1) Identiti pengundi akan disahkan berdasarkan MyKad.**



**2) Pemilik MyKad perlu meletakkan ibu jari pada mesin pengimbas dan maklumat tertera perlu sama dengan maklumat pada MyKad.**



**3) Semakan akan dibuat sama ada nama pengundi itu tersenarai dalam daftar pengundi di kawasan berkenaan.**



**4) Setelah pengesahan dilakukan di mana maklumat pengundi sama, barulah pengundi dibenarkan mengundi.**

